

15 APR 1999

Polis-Norian

NORIAN MAI KETUA POLIS NEGARA YANG BARU

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara yang baru.

Perlantikan itu yang berkuatkuasa 8 Januari lepas diumumkan hari ini dalam satu kenyataan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri.

Norian, 52, menggantikan Tan Sri Abdul Rahim Noor yang meletakkan jawatan pada 8 Jan lepas setelah Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah mengesahkan yang Abdul Rahim bertanggungjawab terhadap kecederaan yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis pada 20 Sept lepas.

Bulan lepas, Rahim sendiri mengaku kepada Suruhanjaya Diraja yang menyiasat kecederaan itu bahawa beliau sendiri telah memukul Anwar.

Abdullah dalam kenyataannya itu berkata dengan perlantikan Norian ke jawatan tertinggi polis itu, beberapa pertukaran di peringkat tertinggi polis akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Beliau berkata, perlantikan Norian dibuat atas syor Suruhanjaya Polis dengan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar. Abdullah merupakan Pengerusi Suruhanjaya Polis.

Ketika dihubungi BERNAMA, Norian melahirkan kesyukuran atas kepercayaan kerajaan terhadapnya untuk memimpin pasukan polis.

"Seperti biasa saya akan cuba sedaya upaya untuk menjalankan tanggungjawab saya."

"Untuk mengetuai pasukan polis bukanlah tanggungjawab yang mudah kerana ia memerlukan persefahaman bukan sahaja daripada semua rakan pegawai dan anggota saya, malah juga kerjasama seluruh masyarakat," katanya.

Apabila ditanya mengenai perlantikannya dan arahan kerajaan baru-baru ini supaya polis memaparkan imej "mesra rakyat", Norian berkata: "Saya akan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin berlandaskan undang-undang negara".

-- BERNAMA

AU PR